



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR
SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

1 Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan badan perakaunan.

- Melahirkan akauntan profesional yang mahir dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perniagaan.
- Mengkaji dan menangani perubahan semasa dalam perniagaan.

Apakah badan perakaunan tersebut?

- A Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- B Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
- C Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- D Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)

2 Situasi berikut berlaku dalam Kedai Elektrik Haziq.

Pada tahun kewangan 2023, perniagaan masih merekod perabot pada harga belian RM5 000 walaupun harga pasaran RM2 300.

Apakah andaian atau prinsip dalam perakaunan yang betul?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Tempoh Perakaunan
- D Wang Sebagai Ukuran

3 Berikut adalah rumus persamaan perakaunan.

$$\boxed{\text{Aset}} = \boxed{\text{Liabiliti}} + \boxed{\text{Modal}} + \boxed{\text{X}} - \boxed{\text{Belanja}}$$

Apakah X?

- A Hasil
- B Ambilan
- C Rugi Bersih
- D Untung Bersih

- 4 Petikan dialog berikut berlaku di antara Cikgu Fatini dengan muridnya.



Siapakah yang menjawab dengan betul?

- A Goniam
- B Nadia
- C Chen
- D Wan

- 5 Dokumen 1 diterima oleh Kedai Agro Bazar Liza.

ASAL	No. : 0708																																			
INVOIS MILADEEN BERHAD Lot 10, Jalan Santan, 01000 Kangar, Perlis. Tel. : 04-9771028																																				
Kepada : Kedai Agro Bazar Liza, 25 Jalan Seri 4, Taman Seri, 43000 Bangi, Selangor.	Tarikh : 8 Mei 2024																																			
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"><thead><tr><th style="width: 5%;">Bil.</th><th style="width: 40%;">Butir</th><th style="width: 15%;">Kuantiti</th><th style="width: 15%;">Harga Sekotak</th><th style="width: 25%;">Jumlah</th></tr></thead><tbody><tr><td></td><td></td><td></td><td style="text-align: center;">RM</td><td style="text-align: center;">RM</td></tr><tr><td style="text-align: center;">1</td><td>Buah Harum Manis Premium</td><td style="text-align: center;">100</td><td style="text-align: right;">100.00</td><td style="text-align: right;">10 000.00</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td colspan="3"></td><td style="text-align: right;">10 000.00</td></tr><tr><td></td><td colspan="3" style="text-align: right;">Tolak Diskaun Niaga 10%</td><td style="text-align: right;">1 000.00</td></tr><tr><td colspan="4" style="text-align: right;">JUMLAH</td><td style="text-align: right;">9 000.00</td></tr></tbody></table>		Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Sekotak	Jumlah				RM	RM	1	Buah Harum Manis Premium	100	100.00	10 000.00										10 000.00		Tolak Diskaun Niaga 10%			1 000.00	JUMLAH				9 000.00
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Sekotak	Jumlah																																
			RM	RM																																
1	Buah Harum Manis Premium	100	100.00	10 000.00																																
				10 000.00																																
	Tolak Diskaun Niaga 10%			1 000.00																																
JUMLAH				9 000.00																																
(Ringgit Malaysia: Sembilan ribu sahaja)																																				
Syarat : 5% 7 hari, 3% 14 hari																																				
Serahan : Angkutan dibayar																																				
K. & K. di K																																				
<u>Norasmaliza</u> Penerima	<u>Gamila</u> Pengurus																																			

Berapakah diskaun tunai yang diperoleh sekiranya pembayaran dibuat pada 12 Mei 2024?

- A RM270
B RM300
C RM450
D RM500
- 6 Pernyataan berikut merupakan ciri dokumen perniagaan.

- Dikeluarkan oleh pihak bank.
- Memberitahu pemilik akaun bahawa baki tunai di bank telah berkurang.

Apakah dokumen tersebut?

- A Slip Bank
- B Keratan Cek
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

7. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Belian?

- I Membeli perabot secara kredit
- II Membeli barang niaga secara kredit
- III Menerima nota debit daripada pembekal
- IV Menerima nota kredit daripada pembekal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Antara berikut, urus niaga pembelian manakah dicatat dalam Buku Tunai Runcit?

- I Setem
- II Perabot
- III Barang niaga
- IV Pewangi pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

- 9 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Runcit Maher.

Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM220 untuk tujuan derma.

Apakah akaun yang akan didebitkan?

- A Derma
 - B Belian
 - C Ambilan
 - D Inventori
- 10 Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Terima?
- A Diskaun diberi
 - B Pulangan keluar
 - C Angkutan masuk
 - D Peruntukan hutang ragu
- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada Butik Muslimah Jannah.

Bil	Jenis barang	Kuantiti	Harga Kos Seunit (RM)	Harga Pasaran Seunit (RM)
1	Jubah Abaya	100	150.00	180.00
2	Jubah Moden	90	120.00	100.00

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM28 800
- B RM27 000
- C RM25 800
- D RM24 000

- 12 Apakah yang akan diperoleh jika jumlah belanja melebihi jumlah hasil dalam Akaun Untung Rugi?
- A Rugi kasar
B Rugi bersih
C Untung kasar
D Untung bersih
- 13 Akaun di bawah diperoleh daripada buku Perniagaan Telekung Siti Munirah.

Akaun Insurans					
2023		RM	2023		RM
Jan 1	P	3000	Dis 31	Q	2500
				Insurans prabayar	500
		<u>3000</u>			<u>3000</u>

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Bank	Akaun Perdagangan
B	Akaun Perdagangan	Bank
C	Bank	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Bank

- 14 Antara berikut yang manakah benar tentang perakaunan asas tunai?
- A Hasil direkodkan dalam tempoh diperoleh
B Hasil sebenar ditolak daripada belanja sebenar
C Belanja belum bayar akan diiktiraf sebagai belanja
D Belanja direkodkan apabila bayaran telah dilakukan

15 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Bintang Alif pada 31 Disember 2023.

	RM
Komisen belum terperoleh pada 1 Januari 2023	730
Penerimaan komisen tahun 2023	5 400
Hasil komisen tahunan	5 000

Catatan manakah yang betul?

A	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023
	RM
	<u>Aset Semasa</u>
	Komisen Belum Terima 330
B	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023
	RM
	<u>Aset Semasa</u>
	Komisen Belum Terima 1 130
C	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023
	RM
	<u>Liabiliti Semasa</u>
	Komisen Belum Terperoleh 330
D	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023
	RM
	<u>Liabiliti Semasa</u>
	Komisen Belum Terperoleh 1 130

16 Maklumat berikut diperoleh daripada Nazhan Trading.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
Cukai pintu belum bayar	RM50	RM150

Cukai pintu yang telah dibayar sepanjang tahun ialah RM200.

Berapakah cukai pintu yang diiktiraf sebagai belanja?

- A RM100
- B RM200
- C RM300
- D RM400

17 Pernyataan manakah **benar** mengenai hutang lapuk?

- A Pelanggan membayar semula hutang
- B Hutang yang pasti tidak dapat dikutip
- C Anggaran hutang yang tidak dapat dikutip
- D Hutang yang lambat dibayar oleh pelanggan

[Lihat halaman sebelah]

18 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Redza Hebat Sdn. Bhd.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023 (Petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	60 000	
Hutang Lapuk	2 000	
Peruntukan Hutang Ragu		1 900

Maklumat tambahan:

- (i) Hutang lapuk dihapuskira RM800
- (ii) Peruntukan hutang ragu dianggarkan 5% atas Akaun Belum Terima bersih

Berapakah peruntukan hutang ragu yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu RM960
- B Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu RM960
- C Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu RM1 060
- D Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu RM1 060

19 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bunga Bella.

	Harga Kos (RM)	Tarikh beli
Rak Pameran A	12 000	1 Ogos 2023
Rak Pameran B	6 000	1 Mac 2024

Polisi susut nilai 10% setahun mengikut kaedah ansuran tetap. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Julai setiap tahun.

Berapakah belanja susut nilai?

- A RM1 800
- B RM1 450
- C RM750
- D RM600

- 20 Maklumat berikut diperolehi daripada Ardini Enterprise bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2023.

Akaun Pelupusan Kenderaan

2023	RM	2023	RM
Dis 31 Kenderaan	120 000	Dis 31 Susut nilai Berkumpul kenderaan	?
		Bank	80 000

Maklumat tambahan:

- (i) Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2022 dan disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah untung atau rugi pelupusan?

- A Untung atas pelupusan RM3 200
 - B Rugi atas pelupusan RM3 200
 - C Untung atas pelupusan RM16 000
 - D Rugi atas pelupusan RM16 000
- 21 Pemilik membawa masuk komputer bernilai RM3 500 untuk kegunaan perniagaan tetapi tidak direkodkan dalam mana-mana buku.

Apakah kesilapan tersebut?

- A Kesilapan amaun
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan ketinggalan

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

22 Berikut adalah kesilapan yang dikesan dalam Perniagaan Anis.

Belian sebanyak RM7 500 daripada Suri telah direkodkan dalam Akaun Suria.

Apakah catatan pembetulan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Suria	7 500	
Suri		7 500

B

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Suri	7 500	
Suria		7 500

C

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Belian	7 500	
Suri		7 500

D

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Belian	7 500	
Suria		7 500

23 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Zul Enterprise.

	RM
Tunai	350
Overdraf Bank	2 500
Akaun Belum Terima	8 710
Akaun Belum Bayar	3 600
Inventori Akhir	2 400

Berapakah Nisbah Ujian Asid?

- A 2.54: 1
- B 1.88: 1
- C 1.49: 1
- D 1.09: 1

24 Apakah yang menyebabkan rekod perniagaan tidak lengkap?

- A Merekod semua catatan urus niaga
- B Merekod di bahagian debit dan kredit
- C Dokumen perniagaan musnah atau hilang
- D Dokumen perniagaan disimpan secara sistematik

- 25 Baki berikut diambil daripada buku perniagaan Puan Amani pada 31 Disember 2023 yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	RM
Alatan Pejabat	20 500
Akaun Belum Terima	23 100
Akaun Belum Bayar	13 800
Overdraf Bank	1 350
Inventori	47 000
Modal	?

Maklumat tambahan:

- (i) Modal pada 1 Januari 2023 bernilai RM61 650.
- (ii) Puan Amani membuat ambilan inventori bernilai RM2 500.

Berapakah untung atau rugi bersih?

- A Rugi Bersih RM16 300
 - B Untung Bersih RM16 300
 - C Rugi Bersih RM19 000
 - D Untung Bersih RM19 000
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Mirza yang mengamalkan catatan tunggal.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Jananuari 2023	8 500
Pembayaran kepada pembekal	23 540
Diskaun Diterima	1 870
Pulangan Belian	2 540
Baki Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2023	17 000

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM36 450
- B RM27 630
- C RM19 450
- D RM10 630

- 27 Apakah kaedah kawalan tunai yang digunakan dalam perniagaan?
- A Buku Tunai
 - B Penyata Bank
 - C Buku Tunai Runcit
 - D Penyata Penyesuaian Bank
- 28 Apakah butiran yang direkodkan di dalam Buku Tunai tetapi tidak direkodkan dalam Penyata Bank?
- A Faedah atas overdraf
 - B Dividen atas pelaburan
 - C Caj perkhidmatan bank
 - D Cek belum dikemukakan
- 29 Zarul Enterprise ditubuhkan pada 1 Januari 2024 dengan modal permulaan yang terdiri daripada tunai di bank RM50 000 dan kenderaan RM10 000. Anggaran jualan bulan Januari berjumlah RM7 000 dengan 40% daripada jualan adalah secara kredit dan tempoh kredit adalah satu bulan.
- Berapakah jumlah penerimaan pada bulan Januari 2024?
- A RM54 200
 - B RM57 000
 - C RM64 200
 - D RM67 000

[Lihat halaman sebelah]

30 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Nuha dan Nisa pada 30 Jun 2024.

	Nuha RM	Nisa RM
Pengasingan untung rugi	15 000	5 000
Ambilan	3 000	2 000
Faedah atas modal	9 000	3 000

Berapakah baki akhir Akaun Semasa?

	Nuha	Nisa
A	RM9 000	RM4 000
B	(RM9 000)	(RM4 000)
C	RM21 000	RM6 000
D	(RM21 000)	(RM6 000)

31 Akaun manakah yang akan dipindahkan ke Akaun Realisasi?

- A Akaun Bank
- B Akaun Perabot
- C Akaun Semasa
- D Akaun Pinjaman

32 Manakah susunan yang betul berkaitan langkah - langkah penubuhan syarikat?

- I Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat
 - II Membuat carian nama dan permohonan nama
 - III Menerima Notis Pemerbadanan
 - IV Membayar fi pendaftaran
- A II, I, III, IV
 - B II, I, IV, III
 - C I, II, IV, III
 - D I, II, III, IV

- 33 Syarikat Diva Berhad telah menerbitkan 300 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1.00 sesyer dan 100 000 unit 8% Syer Keutamaan pada nilai RM2.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM308 000
B RM316 000
C RM400 000
D RM500 000
- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Perak Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	RM
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	4 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000
	5 500 000

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen syer biasa sebanyak RM0.50 sen sesyer.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM870 000
B RM990 000
C RM1 620 000
D RM1 740 000

35 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Robotik pada 1 Januari 2023.

	RM
Yuran Belum Terima	800
Yuran Belum Terperoleh	950

Akaun Penerimaan dan Pembayaran

	RM
Yuran 2022	620
Yuran 2023	14 500
Yuran 2024	450

Maklumat Tambahan:

- (i) Yuran tahun 2022 yang masih tertunggak dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah yuran lapuk?

- A RM180
- B RM330
- C RM350
- D RM500

36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Renang Pantai Irama.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Yuran belum terima	300	250
Yuran belum terperoleh	150	-

Maklumat tambahan:

- (i) Kelab mempunyai seramai 62 orang ahli dengan yuran tahunan RM50 seorang.
- (ii) Dua orang ahli yang belum menjelaskan yuran dianggap sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah yuran yang diterima pada tahun 2023?

- A RM3 300
- B RM3 100
- C RM3 000
- D RM2 900

37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Kompang Ria.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Surat khabar dan majalah prabayar	300	250
Sewa kompang belum terima	250	400

Akaun Penerimaan dan Pembayaran (*petikan*)

	RM		RM
Sewa kompang	1 800	Surat khabar dan majalah	800

Berapakah jumlah yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

	Surat khabar dan majalah	Sewa kompang
A	RM850	RM1 950
B	RM750	RM1 650
C	RM850	RM1 650
D	RM750	RM1 950

38 Manakah merupakan belanja langsung?

- A Gaji operator pengeluaran
- B Kos bahan mentah
- C Cap dagangan
- D Sewa kilang

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

39 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kilang Batik Nazeera.

	RM
Kerja dalam proses awal	15 500
Kos bahan langsung	180 900
Kos buruh langsung	90 000
Kos overhead	24 600
Kerja dalam proses akhir	13 700

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM297 300
- B RM293 700
- C RM248 100
- D RM244 500

40 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kilang Kerepek Sedap.

	RM
Sewa kilang	5 000
Gaji penyelia kilang	20 000
Kos bahan langsung seunit	9
Kos buruh langsung seunit	6
Harga jualan seunit	25

Berapakah unit yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran RM10 000?

- A 1 500 unit
- B 2 500 unit
- C 3 000 unit
- D 3 500 unit

KERTAS SOALAN TAMAT

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Halaman Kosong